

11 AUG 2000

IAP-MSC EXPO/I

MSC EXPO 2000 DI CYBERJAYA 8-10 SEPT SEMPENA MESYUARAT PENAL PENASIHAT
MSC

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Mesyuarat Penal Penasihat Bebas (IAP) Koridor Raya Multimedia ke-4 akan diadakan di Cyberjaya dekat sini mulai 7 hingga 9 Sept, demikian diumumkan hari ini.

Sempena dengan mesyuarat itu, satu pameran dikenali sebagai MSC Expo 2000 akan diadakan mulai 8 hingga 10 Sept, kata pengerusi eksekutif Multimedia Development Corporation Bhd (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah di sini.

Di samping mesyuarat sebenar pada 7 Sept, katanya komponen utama lain mesyuarat the IAP akan juga termasuk pelancaran Studio E-Village di Dengkil di pinggir Cyberjaya pada 8 Sept.

Satu Sidang Kemuncak Perniagaan IAP juga akan diadakan pada 8 dan 9 Sept di mana sebilangan anggota IAP akan hadir.

MDC adalah sebuah "kedai sehenti" berkuasa tinggi yang menumpukan sepenuhnya kepada memastikan kejayaan MSC dan syarikat-syarikat yang beroperasi di dalamnya.

Bercakap pada pengumuman logo MSC Expo 2000 dan lama web MSC, www.msc-expo.com.my, di sini, Dr Othman berkata pameran tiga hari itu akan memaparkan pembekal-pembekal teknologi-teknologi dan penyelesaian di dalam pelbagai aplikasi utama.

Ia juga akan memaparkan syarikat-syarikat bertaraf MSC yang telah menyumbang ke arah pembangunan MSC.

Bertemakan "Penyelesaian Inovatif Melalui Perkongsian Global", Dr Othman berkata pameran itu akan menunjukkan dasar-dasar terbuka dan pragmatik Malaysia dalam menangani teknologi dan perubahan, dan komitmennya untuk bekerja dengan warga-warga negara lain bagi menggalakkan kreativiti, inovasi dan keusahawanan.

Pameran itu akan bermatlamat untuk memupuk minda dan keupayaan generasi akan datang yang akan menuai faedah-faedah sepenuhnya MSC, katanya.

Pameran itu, yang akan dibahagikan kepada 11 kelompok, telah menarik penyertaan 86 buah syarikat dan pertubuhan. Kelompok-kelompok itu akan menumpukan kepada e-kerajaan, kad pelbagai guna, tele-kesihatan, rangkaian sekolah global, penyelidikan dan pembangunan, teknologi penumpuan, teknologi canggih, inkubator, e-perniagaan dan multimedia kreatif.

MSC Expo 2000 akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Othman berkata isu-isu yang akan dibincangkan di kalangan 12 anggota dan 15 wakil pada mesyuarat IAP termasuk pembangunan aplikasi wayarles berbanding talian-talian tetap, standard telekomunikasi dan implikasinya ke atas teknologi dan trend pasaran.

Isu-isu ini akan memberikan kerajaan sedikit ide dan maklum balas daripada segi dasar-dasar strategik MSC dan arah haluan teknologi, katanya.

Anggota-anggota IAP yang dijangka pada mesyuarat itu termasuk Datuk Dr Stan Shih, penerusi Acer Group; Bob Bishop, penerusi dan CEO Silicon Graphics; Robert Madge, penerusi Madge Networks; Datuk Dr Tadashi Sekimoto, anggota lembaga kanan NEC Corporation; Tadashi Sekizawa, penerusi Fujitsu Ltd; dan Ben Werwaayen, naib presiden Lucent Technologies.

Dr Othman juga mengumumkan bahawa senarai anggota-anggota IAP kini mempunyai tiga tokoh baru -- Michael D. Capellas, presiden dan CEO Compaq Computer Corporation; Chris Galvin, penerusi dan CEO Motorola; dan Narayana Murthy, penerusi dan CEO Infosys, India.

-- BERNAMA
MFZ OS MA